




# مجلس بنداراي قتاليج جايا

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 603 - 7956 3544 | Faks : 603 - 7958 1494 | Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020  
E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my



Ruj.Kami : MBPJ/040100/T/P37/2/0145/2018

Tarikh : 30hb November 2018

Water Warriors,  
No.2, Lorong 16/10B,  
Seksyen 16,  
46350 Petaling Jaya,  
**SELANGOR DARUL EHSAN.**  
(up:En. Affan Nasaruddin)

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PENYERTAAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DI PENGANJURAN KONVENSYEN PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) MALAYSIA -Jemputan Sebagai Pembentang Bagi Sesi Perkongsian Amalan Baik dan Pengalaman Komuniti Berkaitan Projek / Program Yang Dilaksanakan Di Bawah Segmen 'Our Community'.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menganjurkan Konvensyen Pemerikasaan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia pada 10hb hingga 11hb Disember 2018 di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dijemput untuk mengadakan pameran yang akan menggunakan konsep dan tema "**PJ Smart, Sustainable & Resilient City**" dan mengandungi 3 segmen iaitu "PJ Smart Centre", "Our Services" dan "Our Community."
3. Konvensyen ini yang buat julung kali diadakan adalah selaras dengan hala tuju Kerajaan untuk memperkukuh peranan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara cadangan pengisian konvensyen tersebut adalah pemberdayaan komuniti, cadangan pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan, pemerikasaan Ahli Majlis PBT, peningkatan hasil PBT, pengurusan sisa pepejal dan sebagainya. Konvensyen ini akan dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada jam 9.00 pagi, 10 Disember 2018.



**MUKASURAT 2**

**PENYERTAAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DI PENGANJURAN KONVENSYEN PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) MALAYSIA**

*- Jemputan Sebagai Pembentang Bagi Sesi Perkongsian Amalan Baik dan Pengalaman Komuniti Berkaitan Projek / Program Yang Dilaksanakan Di Bawah Segmen 'Our Community'.*

---

4. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis dengan berbesar hati ingin menjemput Y.Bhg. Dato'/ Datin / Tuan / Puan untuk berkongsi amalan baik, program dan projek ke arah pembangunan mampan yang telah dijalankan. Y.Bhg. Dato'/ Datin / Tuan / Puan dijemput hadir ke program ini seperti butiran berikut:-

**Tarikh : 10hb – 11hb Disember 2018**

**Masa : 9.00 pagi- 6.00 petang**

**Lokasi : Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC),  
Jalan P5, Presint 5, 62200 Putrajaya,  
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

5. Satu mesyuarat penyelarasan akan diadakan pada **4 Disember 2018 (Selasa)** jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Perancangan Pembangunan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Y.Bhg. Dato'/ Datin / Tuan / Puan adalah dijemput hadir bagi membincangkan hal berkaitan penganjuran pameran ini. Elaun dan makanan akan disediakan oleh pihak Majlis.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, Y.Bhg. Dato'/ Datin / Tuan / Puan boleh menghubungi pegawai di Bahagian Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Pembangunan iaitu Cik Norhafizah binti Lamak di talian 03-7956 3544 ext. 370 atau 014-7429926.

Sekian, terima kasih.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”  
‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NAZIHAH BINTI JAAFAR)**

Penolong Pengarah (Perancangan Pembangunan) 3,

b.p Pengarah,

Jabatan Perancangan Pembangunan,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.